



“ Lebih teruk lagi, parit di belakang rumah saya tidak diselenggara sewajarnya sehingga ia menjadi semakin cetek, sempit dan bersemak ”

Misilah Sabar
Penduduk

SALURAN SEMPIT: Air longkang di parit Jalan Bachik, Kampung Padang Temu akan melimpah jika hujan lebat.

MOHAMMAD YATIM LATIP | BERITA HARIAN

FAKTA



Banjir kilat di Melaka

- Penempatan penduduk kampung dan taman terbabit berada pada paras agak rendah.
- Pembangunan infrastruktur di kawasan tinggi terutama sekitar Bukit Katil, Ayer Keroh dan Bukit Beruang punca banjir.

Parit punca banjir kilat

BH 28/11/2006

Longkang tersumbat punca kampung di kawasan rendah terdedah kepada bencana setiap kali hujan

Oleh Mohamad Yatim Latip

MELAKA: Kejadian banjir kilat yang melanda sesetengah kawasan di daerah Melaka Tengah terutama di Solok Kampung Baru dan Kampung Tun Razak serta di Taman Merak Mas, Bukit Katil di sini, baru-baru ini, didakwa berpunca daripada sistem perparitannya.

Ini berikutan, kedudukan penempatan penduduk kampung dan taman terbabit berada di paras agak rendah, sekali gus menyebabkan ia terdedah kepada bencana banjir kilat setiap kali hujan lebat.

Justeru, ketidakseragaman sistem perparitan di kampung yang dikelilingi kawasan perumahan baru serta pelbagai infrastruktur lain yang dibangunkan di kawasan sekitar secara tidak langsung menyebabkan kampung berkenaan mudah ditenggelami air sehingga menyebabkan penduduk menjadi mangsa keadaan.

Malah, pekarangan pejabat anak syarikat kerajaan negeri di Ayer Keroh

juga tidak terkecuali akibat hujan lebat baru-baru ini.

Antara faktor lain yang dipercayai menyumbang berlakunya banjir kilat itu dipercayai akibat pembangunan infrastruktur di kawasan tinggi terutama di sekitar Bukit Katil, Ayer Keroh dan Bukit Beruang.

Kebanyakan mangsa banjir kilat yang ditemui di kawasan terbabit mendakwa sisa kumbahan dari longkang taman perumahan dan premis berhampiran disalurkan ke parit di kawasan mereka, sehingga parit berkenaan tidak mampu menampung kuantiti air apabila hujan lebat.

Dalam kejadian banjir kilat di Solok Kampung Baru, Bukit Katil dekat sini, mangsa, Misilah Sabar, 40, mendakwa seluruh bahagian dalam dan pekarangan luar rumahnya dipenuhi air setinggi kira-kira 0.6 meter selepas hujan lebat selama hanya 15 minit.

Beliau mendakwa, ia adalah kali kedua banjir berlaku di kawasan rumahnya dan ia tidak pernah berlaku sebelum pembinaan taman perumahan

seperti Taman Saujana Seksyen 3, Pangsapuri Saujana termasuk bangunan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pusat Sekolah Memandu Malaysia (MSDC), ibu pejabat Bomba dan Penyelamat negeri dan Watercity Resort di kawasan itu.

“Bayangkan sisa kumbahan dari kawasan sekeliling seperti taman perumahan dan premis lain dari semua arah disalurkan terus ke parit kampung ini, sekali gus menyebabkan air di parit berdekatan rumah kami melimpah apabila hujan lebat.

“Lebih teruk lagi, parit di belakang rumah saya tidak diselenggara dengan sewajarnya sehingga ia menjadi semakin cetek, sempit dan bersemak,” katanya.

Malah, penduduk di kampung terbabit turut menuding jari dengan menyalahkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang tidak peka dan prihatin dengan masalah yang mereka hadapi itu.

Mereka mendakwa, pengerusi JKKK langsung tidak meninjau bagi memantau keadaan rumah mereka ketika dilanda teruk banjir kilat meskipun sudah dimaklumkan.

Paling menyedihkan, belum lagi rumah dapat dibersihkan selepas kejadian banjir kilat, kediaman mereka sekali lagi dipenuhi air keesokan harinya (Ahad) akibat hujan lebat.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Katil ketika melawat kawasan yang terjejas oleh banjir kilat berkata, kerajaan negeri sudah memohon RM70 juta daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan projek menaik taraf dan membina infrastruktur untuk mengatasi masalah banjir kilat di negeri ini.


Beliau berkata, peruntukan itu termasuk kos membuat kolam takungan di kawasan yang sering dilanda banjir kilat, malah kolam seumpama itu yang dibina di Sungai Putat terdahulu akan dijadikan contoh bagi kolam takungan banjir yang akan di bina bersebelahan Taman Merak Mas di tanah milik Perbadanan Tanah Adat Melaka (Pertam).



DALAM PEMBINAAN: Longkang baru bagi mengatasi banjir kilat.



TIDAK TERKECUALI: Pekarangan bangunan anak syarikat kerajaan negeri, Institut Bio-Teknologi Melaka turut digenangi.



KOTOR: Penduduk, Roslan Baba menunjukkan air bercampur tanah di ruang tamu selepas hujan lebat.